

Malaysia, Republik Kyrgyz teroka peluang hubungan dua hala

UTUSAN MALAYSIA

04 APR 2024

mk: 4

PETALING JAYA: Banyak peluang yang boleh diteroka terutamanya dalam hubungan dagangan dan pelaburan hala antara Malaysia dan Republik Kyrgyz.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, menerusi perbincangan bersama Menteri Luar Negeri Kyrgyz, Zheenbek Kulubaev, kedua-dua pihak bersetuju bahawa masih

terdapat banyak peluang untuk diterokai.

“Saya yakin lawatan ini akan membuka ruang bagi kolaborasi dan mencetus kerjasama yang lebih substantif antara kedua-dua negara,” katanya dalam kenyataan di Facebook beliau.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan dari Menteri Luar

Negeri Kyrgyz itu di pejabat Perdana Menteri semalam.

Perdana Menteri memaklumkan, beliau menzahirkan penghargaan di atas jemputan Presiden Kyrgyz untuk melawat negara itu Mei pada nanti.

Anwar berkata, beliau berharap hubungan kedua-dua negara akan lebih akrab pada masa hadapan.



ANWAR Ibrahim dan Zheenbek Kulubaev berbincang tentang kerjasama dua negara ketika Menteri Luar Negeri Kyrgyz itu mengadakan kunjungan ke atas Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.